

# PROSEDUR PENGENDALIAN PERSIDANGAN MAHKAMAH SECARA SIDANG VIDEO BAGI MAHKAMAH SABAH & SARAWAK UNTUK PEMEGANG-PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS)

## MAKLUMAT AM

- 1.** Perbicaraan sidang video terpakai untuk pendengaran rayuan dan permohonan bagi kes-kes sivil dan Jenayah Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak.
- 2.** Perbicaraan sidang video dihoskan oleh pihak Mahkamah dan dikendalikan dengan menggunakan perisian *Skype / Skype for Business* dan *Zoom* atau apa-apa perisian yang ditentukan oleh Mahkamah.
- 3.** Perbicaraan sidang video bagi kes sivil dan Jenayah dikendalikan di tempat yang berikut:
  - (a) Panel Persidangan akan bersidang di Istana Kehakiman Putrajaya.
  - (b) Pihak-pihak hendaklah hadir dan mengendalikan kes di Mahkamah di Sabah dan Sarawak yang ditentukan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan / Rayuan Putrajaya.
  - (c) Bagi kes Jenayah, banduan akan dibawa ke Mahkamah yang terletak berhampiran dengan lokasi penjara di mana banduan ditempatkan. Timbalan Pendakwaraya dan Peguambela hendaklah hadir dan mengendalikan kes di Mahkamah yang berkenaan.
  - (d) Bagi kes sivil, pihak-pihak boleh mengendalikan kes di pejabat peguam dengan kebenaran Panel Persidangan. Permohonan hendaklah dibuat kepada Mahkamah dalam tempoh empat belas hari (14) hari sebelum tarikh persidangan
- 4.** Perbicaraan sidang video akan dijalankan secara masa berperingkat (*staggered time*).



- 5.** Etika perlaksanaan prosiding di bilik perbicaraan (*courtroom etiquette*) adalah terpakai. Pihak-pihak hendaklah mematuhi perkara berikut:
  - (a) Berpakaian pakaian Mahkamah terbuka;
  - (b) Bersedia dalam talian sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum sidang video berlangsung;
  - (c) Memastikan hanya pihak-pihak yang dijemput sahaja berada dalam sidang video tersebut;
  - (d) Peguam perayu / pemohon akan memulakan prosiding dengan memperkenalkan pihak-pihak;
  - (e) Mematuhi arahan Pengerusi Panel Persidangan mengenai pengendalian prosiding iaitu dari segi giliran berhujah dan rujukan dokumen-dokumen yang berkaitan;
  - (f) Memastikan posisi badan hendaklah menghadap kamera sepanjang sidang video berjalan;
  - (g) Tidak membuat apa-apa '*body gesture*' atau gerak badan yang tidak sopan;
  - (h) Tidak makan dan minum semasa sesi persidangan;
  - (i) Berada di sesi persidangan sepanjang masa dan tidak meninggalkan sesi persidangan tanpa kebenaran Pengerusi Panel Persidangan; dan
  - (j) Apa-apa arahan lain oleh Mahkamah tertakluk kepada keadaan dari semasa ke semasa



**6.** Dokumen yang digunakan semasa perbicaraan adalah dokumen dalam format digital yang dimuat naik ke dalam media penyimpanan dalam talian (*cloud storage*) dan boleh diakses melalui pautan (*link*), yang dihantar oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan / Rayuan sebelum tarikh pendengaran kes. Pihak-pihak tidak digalakkan untuk merujuk kepada salinan fizikal dokumen bagi mengelakkan ketaksamaan rujukan.

**7.** Kehadiran pihak-pihak yang terlibat dengan perbicaraan sidang video ditetapkan seperti berikut:

- i) Bagi prosiding kes yang dijalankan di Mahkamah Terbuka:
  - (a) Dua (2) orang Peguam bagi setiap pihak;
  - (b) Bagi pendengaran kes sivil, seorang anak guam bagi setiap pihak; dan
  - (c) Bagi pendengaran kes jenayah, seorang ahli keluarga banduan.
- ii) Bagi prosiding kes sivil yang dijalankan di Bilik Sidang Video:
  - (a) Dua (2) orang Peguam bagi setiap pihak; dan
  - (b) Seorang anak guam bagi satu pihak setelah memperolehi kebenaran Pengurus Panel Persidangan.

**8.** Pihak-pihak yang ingin menambah kehadiran semasa persidangan hendaklah membuat permohonan yang disertakan dengan justifikasi dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh pendengaran tertakluk kepada kesesuaian bilik bicara.



# PRA PERSIDANGAN

**1.** Pengurusan kes akan dijalankan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum persidangan.

- (a) Pengurusan kes sivil dijalankan melalui aplikasi "e-Review".
- (b) Pengurusan kes jenayah dijalankan melalui e-mel atau secara sidang video menggunakan perisian Skype for Business / Zoom.

**2.** Semasa pengurusan kes, pihak-pihak hendaklah memberikan maklumat berkenaan hal keadaan kes dan maklumat yang berkaitan dengan pengendalian prosiding sidang video.

**3.** Mana-mana pihak yang tidak bersetuju untuk perbicaraan sidang video dijalankan, hendaklah memaklumkan kepada Timbalan Pendaftar secara bertulis dengan menyertakan alasan.

**4.** Notis makluman perbicaraan sidang video akan dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah kepada pihak-pihak untuk memaklumkan tarikh, masa pendengaran dan aplikasi yang akan digunakan.

**5.** Pihak-pihak hendaklah mengakses dokumen perbicaraan yang terdapat dalam media penyimpanan dalam talian melalui pautan yang dihantar oleh Mahkamah secara e-mel.

**6.** Peguam hendaklah:

- i) Menyampaikan maklumat kepada anak guam berkenaan perbicaraan sidang video.
- ii) Memberikan pengesahan kepada Timbalan Pendaftar berkenaan kesediaan anak guam untuk perbicaraan sidang video, sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh pendengaran.
- iii) Memberikan maklumat berkenaan pihak-pihak yang akan menyertai perbicaraan sidang video, sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh pendengaran dengan butiran berikut:
  - (a) Senarai nama Peguam Persekutuan / Timbalan Pendakwaraya / Peguam yang akan mengendalikan perbicaraan sidang video berserta dengan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit; dan
  - (b) Penyertaan atau kehadiran anak guam.
- iv) Memfailkan hujahan bertulis secara e-filing mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Mahkamah.

**7.** Sesi ujian (*trial run*) dengan pihak-pihak akan dijalankan sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh persidangan. Pihak-pihak dikehendaki hadir di lokasi Mahkamah di mana sidang video akan diadakan untuk menyertai sesi ujian tersebut.

**8.** Pautan (*link*) untuk menyertai perbicaraan sidang video akan dihantar kepada pihak-pihak secara e-mel, sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum persidangan.

# SEMASA PERSIDANGAN



1. Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Persekutuan / Rayuan yang bertugas berperanan sebagai hos.
2. Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Sabah Sarawak (Timbalan Pendaftar Lokasi) berperanan untuk menyelia prosiding yang berlangsung di lokasi.
3. Pihak-pihak hendaklah *log masuk* dan menyertai sidang video selewat-lewatnya 30 minit sebelum persidangan.
4. Dokumen yang dirujuk oleh pihak-pihak hendaklah dipancarkan pada skrin komputer dengan mengaktifkan fungsi 'share screen'!
5. Pihak-pihak boleh memohon kebenaran Panel Persidangan untuk sesi sidang video diberhentikan sebentar untuk tujuan perbincangan.
6. Timbalan Pendaftar yang bertugas akan menghentikan sesi sidang video untuk pihak-pihak dan menjemput semula pihak-pihak menyertai sidang video selepas itu.
7. Sekiranya berlaku gangguan teknikal kepada sistem melebihi 15 minit, prosiding akan ditangguhkan.
8. Setelah prosiding selesai, semua pihak hendaklah menunggu sehingga Panel Persidangan meninggalkan sidang video (*log out*) sebelum pihak-pihak berbuat demikian.



## PASCA PERSIDANGAN



1. Perintah untuk dimeterai bagi perbicaraan sidang video hendaklah menyatakan bahawa prosiding perbicaraan dijalankan di "Mahkamah Terbuka."
2. Pihak-pihak boleh memohon untuk dibekalkan dengan rakaman perbicaraan sidang video dengan memohon kepada Pengurus Panel Persidangan sebelum persidangan selesai atau dengan menulis kepada **Pejabat Pendaftaran Mahkamah** selepas itu.